

27 NOV 1997

PEMIMPIN UMNO NEGERI DIPERINGAT TENTANG ARAHAN CUTI DALAM NEGERI

PULAU PINANG, 27 Nov (Bernama) -- Pemimpin Umno negeri ini telah diperingatkan supaya bercuti di dalam negeri sebagai langkah berjimat-cermat selaras dengan arahan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Mohd Shariff Omar berkata beliau telah mengeluarkan surat peringatan itu semalam agar semua pemimpin Umno negeri mematuhi arahan Perdana Menteri itu.

"Semua pemimpin Umno perlu mematuhi arahan itu bagi menunjukkan contoh yang baik dalam usaha berjimat-cermat itu," kata Shariff, Timbalan Ketua Menteri, kepada pemberita selepas melawat Menara Umno Pulau Pinang di sini hari ini.

Mengenai Menara Umno 21 tingkat itu, Shariff berkata bangunan itu dijangka siap pada bulan depan dan akan dirasmikan selewat-lewatnya awal tahun depan.

Katanya, bangunan yang dimajukan secara usahasama antara South East Asia Development Corporation Berhad (Seacorp) dan Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) itu telah menarik minat banyak syarikat swasta, bank serta firma guaman untuk menjadi penyewa apabila ia siap kelak.

Menara Umno yang dibina di atas tanah milik MAIPP itu mempunyai 14 tingkat ruang pejabat, dua tingkat ruang perbankan, satu tingkat auditorium dan bilik mesyuarat, penthouse dan tiga tingkat ruang letak kereta. --

BERNAMA

SA NMO